

05 DEC 2001

Mahathir-Penganas

MOTIF DI SEBALIK SERANGAN 11 SEPT PERLU DIKAJI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dalam mencari penyelesaian kepada masalah keganasan antarabangsa, kajian mengenai motif bagi sekumpulan orang menyerang Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas perlu dikaji terlebih dahulu.

"Persoalan yang besar itu ialah: apakah perkara yang mungkin telah mendorong orang-orang ini?" kata Dr Mahathir dalam satu temuramah bulan lepas dengan majalah Perancis, L'Expansion di pejabatnya di Putrajaya.

Majalah itu, yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai "pemimpin Malaysia -- satu-satunya negara Islam yang berjaya" menumpukan temuramah yang disiarkan dalam keluaran 22 Nov-5 Dis itu kepada keganasan dan Islam.

Dalam mencari jawapan kepada persoalan itu, Dr Mahathir berkata bahawa sebagai doktor, beliau bermula dengan mencari sebab-musabab sesuatu penyakit dan tidak akan berpuas hati dengan hanya menggunakan aspirin untuk menyembuhkan penyakit.

"Apa yang paling penting ialah kita perlu cuba memahami mengapa orang yang bijak-bijak, serba boleh dan berada pula serta mempunyai keluarga, sanggup memutuskan untuk merempuh sebuah menara dengan kapal terbang!

"Sekiranya kita boleh memuaskan hati kita dengan hanya berkata bahawa mereka ini testulah orang gila, maka kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah itu," kata beliau.

Dalam serangan 11 Sept itu, pengganas telah menggunakan kapal terbang yang dirampas untuk merempuh menara kembar Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington, mengorbankan sekurang-kurangnya 4,000 orang.

Apabila ditanya apakah jawapannya kepada soalan tentang sebab-musabab serangan 11 Sept itu, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa ia ada kaitan dengan keadaan di Asia Barat. Perasaan tidak puas hati mengenai perkara ini dirasai dengan meluas di kalangan dunia Islam."

Beliau berkata daripada satu bilion orang Islam, tentulah ada segelintir ekstrimis yang sanggup mati dengan harapan ia akan membantu dalam perjuangan menentang keganasan yang terpaksa ditanggung oleh mereka sendiri.

"Ini kerana pada pandangan umat Islam, serangan oleh Yahudi juga boleh dikira sebagai tindakan keganasan, negara yang melakukan keganasan," katanya.

Kepada cadangan penemuramah bahawa keadaan di Asia Barat bukanlah sesuatu yang baru dan ia tidak mungkin dengan sendirinya sahaja menyemarakkan kemarahan yang begitu meluap-luap di kalangan orang Islam, Perdana Menteri menjawab: "Umat Islam mempunyai tanggapan bahawa seluruh dunia sedang menekan mereka."

Dr Mahathir berkata di Bosnia kira-kira 200,000 orang Islam telah dibunuh oleh puak Serb sebelum dunia mula bertindak, manakala di Kosovo orang Islam juga diserang oleh Serb.

Di Chechnya, lebih banyak lagi orang Islam mati semata-mata kerana mereka mahu membebaskan diri mereka daripada cengkaman pemerintahan kuku besi pihak Rusia, katanya.

"Saya boleh tambah lagi, Kashmir, Sudan dan semestinya, Iraq di mana 500,000 kanak-kanak mati kerana kekurangan makanan dan ubat-ubatan akibat daripada tindakan sekatan," katanya.

Iraq telah lebih daripada satu dekad dikenakan sekatan oleh Bangsa-bangsa Bersatu ekoran pencerobohannya ke atas Kuwait.

Dr Mahathir berkata umat Islam merasa orang lain dengan mudah menuduh

mereka melakukan keganasan sedangkan pengganas lain tidak dikaitkan dengan kumpulan etnik atau agama yang mereka anuti.

"Apabila bercakap tentang Palestin, tidak ada siapa di Barat yang bercakap tentang keganasan Yahudi sebagaimana yang mereka lakukan apabila menyentuh keganasan orang Islam," katanya.

Merujuk kepada insiden pengeboman bangunan persekutuan di Oklahoma, apabila rakyat Amerika sendiri Timothy McVeigh didapati bersalah melakukannya dan dihukum mati, Dr Mahathir berkata reaksi pertama Amerika ketika kejadian itu ialah dengan mendakwa kononnya ia "perbuatan ganas orang Islam."

"Lagi pun, McVeigh pastilah mempunyai rakan-rakan yang bersubahat dengannya. Bagaimana pula mereka itu tidak dapat ditemui, pihak-pihak berkenaan tidakpun mencuba untuk mencari mereka sebagaimana yang dilakukan untuk memusnahkan pengganas Islam?" katanya.

Apabila ditanya sama adsa terdapat persamaan antara serangan 11 Sept terhadap Amerika dengan serangan balas yang diketuai Amerika terhadap Afghanistan, Dr Mahathir berkata: "...ia sebenarnya tidaklah setanding. Tetapi hakikatnya ialah, sebagaimana serangan pengganas itu telah mengorbankan nyawa orang tidak berdosa, dengan cara yang sama jugalah serangan Amerika terhadap Afghanistan mengorbankan nyawa orang lain yang juga tidak berdosa."

Beliau berkata apa yang lebih buruk lagi ialah serangan terhadap Afghanistan tidak akan menyumbang kepada usaha melawan keganasan, tetapi mendatangkan akibat sebaliknya kerana tidak ada siapa yang tahu di mana pengganas sebenar itu berada.

"Oleh itu, bukanlah dengan menyerang Afghanistan kita akan menyumbang kepada usaha menghapuskan pengganas yang sedang bersembunyi di Eropah, di negara-negara Arab, atau malah di Amerika Syarikat.

"Sebaliknya, banyak negara Islam akan membuat tanggapan bahawa ia bukanlah sangat untuk mencari pengganas tetapi lebih merupakan tindakan membalas dendam," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata atas sebab itulah Malaysia tidak menyokong serangan tentera terhadap Afghanistan yang kini masuk ke bulan ketiga itu.

Semasa ditanya pendapatnya mengenai objektif Osama bin Laden untuk menjalankan serangan itu, Dr Mahathir berkata: "... saya tidak menerima sebagai suatu hakikat bahawa pengganas-pengganas itu adalah orang suruhan Osama.

"Saya tidak menyangkal bahawa beliau adalah ketua sekumpulan pengganas. Malah sesetengah daripadanya telah melatih rakyat Malaysia dengan harapan untuk melihat mereka pulang ke negara kami dan menggulingkan kerajaan saya.

"Jadi secara khususnya saya tidak mempunyai rasa sayang kepada Osama," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak ada apa-apa yang boleh memberi jaminan bahawa menghapuskan Osama akan menamatkan tindakan pengganas.

-- BERNAMA

HK AHH RYN NMO